

## **Berita Harian** Monthly Column - October 2020

Bicara Bernas oleh Sun Life Malaysia

## Persediaan hadapi situasi tidak dijangka

Baru-baru ini, kenalan rapat saya telah kehilangan orang tersayang dan ini me-ngingatkan saya betapa rapuhnya kehi-dupan ini; lebih-lebih lagi apabila melihat bagaimana keluarganya menangani situasi mencabar akibat kehilangan ini serta menempuh hari-hari mendatang.
Walaupun sibuk mengejar matlamat dan

hala tuju kehidupan, kita seharusnya me-



rancang persedi-aan untuk mengatasi dugaan dan perkara tidak disangka yang mam-pu mengubah hi-dup kita dalam sekelip mata.

Keputusan bijak Sebagai penyedia insurans/Takaful, kami sering berte

mu pelanggan dan waris yang memperoleh manfaat disebabkan keputusan bijak membeli insurans. Ramai menyamakan insurans nyawa dengan kematian, tetapi mereka lupa satu perkara penting – in-surans nyawa juga untuk orang tersayang yang masih hidup dan ditinggalkan.

Ini mengingatkan saya, cerita pelanggan kami, Puan Zainad yang kehilangan anak-nya berusia 18 tahun akibat kemalangan. Sebagai ibu bapa, sava sangat bersimpati Sebagai ibu bapa, saya sangat bersimpati dengan kesedihan yang dirasainnya apabila perkara yang tidak dijangkakan ini berlaku. Kesnya ada hikmahnya kerana sebelum tragedi itu, dia telah mendapatkan anaknya satu pelan Takaful kami dengan bayaran RM35 sebulan. Walaupun nilai tuntutan bayaran tidak banyak dan tidak dapat dibandingkan dengan nyawa anaknya saya bersyukur ke-

ngan nyawa anaknya, saya bersyukur kerana kami berpeluang membantu kewa-



ngan keluarga dia ketika tempoh masa yang paling sukar. Daripada pengalaman tersebut, dia turut membantu orang yang kurang bernasib baik dengan tuntutan yang diterima dan seterusnya, mendapat-kan satu pelan perlindungan untuk anak sulungnya.

sulungnya.

Ikuti kisah Puan Zainad ini dalam laman sesawang kami. Kisah beliau bersa-ma pelanggan lain yang menerima man-faat pelan insurans/Takaful kami akan membuatkan anda terfikir betapa penting-nya pelan perlindungan untuk diri dan

Persediaan masa depan waris Kisah tragis seperti ini membuatkan kita mengkaji semula apa yang akan diting-galkan bagi melindungi waris sekiranya sesuatu terjadi kepada kita. Dengan ketidaktentuan keadaan hari

ni, pelan insurans hayat yang baik da-pat memastikan anda meninggalkan le-gasi kukuh bagi membantu orang ter-sayang mengekalkan taraf hidup semasa serta menjamin kewangan masa depan mereka ketika berdepan perkara tidak

Hakikatnya, tiada siapa yang mahu me-mikirkan soal kematian untuk diri mikirkan soai kematian untuk diri ataupun orang yang kita sayangi. Perbua-lan yang jujur dengan mereka berkaitan pengurusan perkara seperti menulis wasiat atau menamakan pewaris boleh me-



Puan Zainad yang kehilangan anak lelaki pada dalihat yang kemalangan telah menerima pampasan daripada Sun Life Malaysia selepas mendapatkan satu pelan Takaful untuk anaknya.

rupakan satu pengalaman yang mencabar. Namun, penamaan waris tidak wajar di-tangguhkan demi menjaga kesejahteraan masa depan pewaris serta untuk memas-tikan aset anda dibahagikan mengikut kehendak anda. Lagipun, tiada notis awal akan diberikan untuk perkara yang tidak

Jaminan masa depan Penamaan pewaris tidak hanya terhad ke-

pada aset sahaja, tetapi juga untuk pelan insurans/Takaful anda. Tujuan memiliki insurans hayat bukan sahaja untuk me-mastikan keluarga anda dilindungi secar kewangan sekiranya sesuatu berlaku kepada anda tetapi juga membantu mereka memperoleh tuntutan dengan cepat. Pro-ses penamaan waris mungkin rumit dan mengelirukan bagi sesetengah pihak, te-tapi di Sun Life Malaysia, proses ini amat mudah kerana pelanggan kami boleh me-lakukannya secara dalam talian melalui

portal pelanggan kami. Selain memudahkan mereka mengemukakan penamaan untuk insurans konvenkakan penamaan untuk insurans konven-sional, pelanggan beragama Islam juga bo-leh melakukan perkara sama melalui ciri penamaan e-hibah yang membolehkan me-reka terus menamakan orang yang berhak mendapat manfaat daripada pelan Takaful

Sekiranya anda mengambil langkah bijak membeli perlindungan insurans, me-ngapa pula mengabaikan langkah penting seterusnya, iaitu menamakan pewaris? Jangan biarkan keluarga anda ditinggal-kan dengan kedudukan kewangan yang tidak menentu sekiranya berlaku perkara tidak dijangka.

Jika anda masih belum membuat pe namaan untuk pelan insurans/Takaful, sa-ya menyeru anda lakukan segera. Marilah kita bersama-sama mengambil iktibar daripada kisah Puan Zainad bahawa adalah berbaloi membuat persediaan awal supaya tidak kira apa pun yang berlaku, orang yang anda sayangi akan sentiasa mempunyai masa depan lebih cerah.

Raymond Lew ialah Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Negara untuk Sun Life Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila layari sunlifemalaysia.com